



UPM Juara Catur



Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Azali Mohamed (lima dari kiri) bergambar bersama pasukan catur UPM.

BANGI, 10 Okt - Pasukan Kelab Keusahawan Uniputra, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara keseluruhan Johan Nilai Aset Tertinggi dalam pertandingan Cabaran Catur Bistari Institusi Pengajian Tinggi 2009 peringkat kebangsaan dengan mengalahkan 70 pasukan daripada 28 institusi pengajian tinggi.

Pasukan kumpulan 2 tersebut terdiri daripada Ahmad Shahidin Shahrin, Nik Muzhapar Nik Abd Malek, Muhammad Syazuan Ahmad Zuki, Mohd Nashriq Idham Abd Khany, Muhammad Shukor Abdul Wahab dan Farid Nazmi Dzulkarman telah memenangi Piala Pusingan Tan Sri Arshad Ayub berserta enam buah komputer riba, plak dan sijil penyertaan.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Institut Keusahawan Negara (INSKEN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama Johor Corporation dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 10 Oktober 2009 di sini.

UPM telah menghantar tiga pasukan yang terdiri daripada 18 pelajar yang dipilih daripada bengkel Catur Bistari pada 13 September lalu anjuran Unit Keusahawan dan Inkubator Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang disertai oleh 110 pelajar.



Pasukan catur UPM bergambar kenangan bersama.

Berita oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar disunting oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat.

